



SEJARAH SEKOLAH **SMA PEKAN GURUN** (SABK)



Ketahui Sejarah Sekolah Anda.

Ramai pelajar yang tidak mengetahui asal-usul sekolah ini. Oleh itu, marilah meluangkan sedikit masa untuk membaca dan meneroka sejarah sekolah ini.



Sekolah ini telah diasaskan oleh Allahyarham Tuan Haji Daud bin Haji Ibrahim. Beliau dilahirkan pada 20 Februari 1915. Beliau mendapat tauliah daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan mula berkhidmat di sekolah ini pada tanggal 1 Januari 1961. Pada awal penubuhannya iaitu pada tahun 1965, sekolah ini telah didaftarkan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Kedah sebagai sebuah sekolah agama rakyat.

Memandangkan sekolah ini bukan merupakan sekolah warisan, maka jawatan Pengetua ditentukan oleh Lembaga Tadbir Sekolah dan kemudian direstui oleh Jabatan Agama Islam Negeri Kedah. Selepas Tuan Haji Daud meninggal dunia, tempat Allahyarham telah dipegang oleh Ustaz Haji Omar bin Haji Hussein, yang sebelum ini menyandang jawatan Penolong Kanan Pentadbiran kepada Allahyarham Tuan Haji Daud bin Haji Ibrahim sehingga 31.12.1987.

Pada 01.01.1988, Ustaz Haji Omar bin Haji Huseein telah ditukarkan ke Sekolah Menengah Agama Saadatuddaroin, Merbok. Kekosongan tempat beliau telah digantikan dengan Ustaz Ismail bin Ahmad sebagai Pemangku Pengetua sehingga 31.07.1988. Ustaz Ismail bin Ahmad kemudiannya telah ditukarkan ke Sekolah Agama Fauzi, Yan. Pada



01.08.1988, Ustaz Haji Harun bin Haji Ismail telah dilantik oleh Jabatan Agama Islam, Kedah sebagai Pengetua sekolah ini sehingga sekarang.

Pada awal penubuhannya, sekolah ini terletak di Pekan Gurun bersebelahan dengan Mahkamah Seksyen Gurun. Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah memperuntukkan sebidang tanah seluas 13 ekar di kawasan Jerai untuk dijadikan tapak sekolah yang baharu. Dengan bantuan sumbangan modal yang diberikan oleh kerajaan pada ketika itu, bangunan sekolah baru dapat dibina di tapak tanah tersebut. Pada awal penubuhannya, dua blok bangunan tiga tingkat untuk menempatkan bilik darjah dan juga pejabat, sebuah surau, sebuah bangunan KHB dan sebuah kantin telah dibina di atas tapak ini. Sekolah yang dibina di tapak baru ini telah digunakan secara rasmi pada tahun 2000.

Alhamdulillah, pelan pembangunan yang pesat hasil daripada penyertaan sekolah agama ini di dalam kelompok Sekolah Agama Bantuan Kerajaan telah menyaksikan beberapa bangunan baru telah dibina di tapak ini termasuk asrama puteri, blok makmal Sains dan KHB serta dua buah dewan terbuka bakal menyerlahkan lagi penampilan sekolah ini. Surau yang baru juga telah dibina hasil usaha pihak PIBG dan Lembaga Tadbir Sekolah. Dana untuk membina surau ini adalah datangnye daripada sumbangan daripada badan-badan kerajaan, swasta, waris dan orang



perseorangan. Surau tersebut telah dirasmikan oleh YB Mej Jen (B) Dato Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Ahli Parlimen Jerai.

Sebelum menutup tirai tahun 2016, sekolah juga telah menerima peruntukan untuk membina asrama baru yang boleh menempatkan 240 orang pelajar. Pembinaan telah dimulakan pada penghujung 2016 dan dijangka akan beroperasi pada sesi persekolahan tahun 2018.

Guru umpama bintang cemerlang, walaupun bersara jasamu tetap dikenang. Tuan Hj Harun telah bersara daripada perkhidmatan pada 31 Disember 2016. Dengan ketiadaan pengetua dan pengganti pada waktu itu, Tuan Hj Zulkiplee bin Lebai Baharom yang merupakan Penolong Kanan Pentadbiran telah memangku jawatan itu untuk sementara waktu. Beliau sentiasa membuka telinga dan menerima nasihat dalam pentadbirannya. Akhirnya pada 4 September 2017, sekolah ini telah mendapat seorang pengetua baru iaitu Tuan Hj Nazri bin Hamid yang bertukar masuk dari SMK Agama Yan. Tuan Hj Nazri bin Hamid yang berkelulusan Sarjana Pendidikan Islam dan Bahasa Arab diharapkan dapat membuka lebaran baru di sekolah ini. InsyaAllah kita mendoakan agar semasa pentadbiran beliau, sekolah ini akan melonjakkan prestasinya dalam bidang pendidikan



dan juga kokurikulum di samping dapat memperkasakan sahsiah unggul murid.

Tarikh-tarikh Penting

Sekolah Menengah Agama Pekan Gurun mula beroperasi pada awal April 1964 bertujuan memberi pendidikan agama dan akademik kepada pelajar-pelajar daerah Gurun khususnya dan di negeri Kedah amnya. Bermula tahun 2006 sekolah ini telah menandatangani memorandum persefahaman bagi menyertai Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Hasil daripada MOU tersebut beberapa kemudahan baru telah disediakan untuk dimanfaatkan oleh pelajar sekolah ini.

Cerita diolah semula oleh:

Mohd Saad Ahmad

